

10/08/2000

Semangat Jalur Gemilang biar abadi

Wan Jailani Razak

"KETIKA di tengah samudera yang bergelora, Jalur Gemilang dilambung ombak setinggi 20 meter. Saya cuba sedaya-upaya mengawalinya daripada tenggelam dan dimasuki air.

"Setiap kali Jalur Gemilang dipukul ombak, saya cemas. Namun, dalam hati kecil saya hanya satu iaitu membawa kapal layar ini mengelilingi dunia dan melakar nama Malaysia di persada antarabangsa," demikian petikan cerita Azhar mengenai detik mencemaskan ketika belayar mengelilingi dunia dalam setiap program motivasi yang dihidrinya di seluruh negara.

Beliau berkongsi pengalaman sambil berinteraksi dengan pelajar dan beliau pada setiap pertemuan bagi memupuk semangat cintakan negara menerusi Cabaran Jalur Gemilang yang dimulakannya dari Langkawi pada 2 Februari 1999.

Kejayaan dan ketabahan Azhar mengelilingi dunia menyuntik semangat juang dan keyakinan diri kepada pelajar dan beliau. Malah, ia mendorong perlunya slogan 'Malaysia Boleh' disemat dalam sanubari setiap rakyat negara ini.

Bagi pelajar, usaha bersungguh-sungguh adalah ramuan penting untuk memastikan matlamat memperolehi pencapaian cemerlang dalam pelajaran, seterusnya mampu menjejakan kaki ke menara gading. Mereka perlu bersedia dengan kaedah pembelajaran, semangat dan motivasi, latihan lasak, semangat berpasukan, disiplin dan menetapkan hala tuju demi mencapai kejayaan.

Seperti yang sering ditekankan Azhar setiap kali menceritakan pengalamannya kepada pelajar dan beliau: "Pukulan ombak kali keempat yang begitu kencang menyebabkan Jalur Gemilang melambung setinggi lebih 25 meter dari paras air. Disebabkan pukulannya begitu kencang, ombak turun lebih cepat daripada kapal layar menyebabkan muncung kapal jatuh menjunam.

"Kesannya terlalu kuat hingga tiang layar patah. Isyarat kecemasan segera dihantar. Suasana ketika itu gelap. Saya cuba mencari lampu suluh. Saya meraba-raba jaket keselamatan. Satu daripada tiga kabin digenangi air. Namun, masih ada dua lagi yang boleh mengimbangi kapal.

"Saya lakukan apa yang terdaya. Masa itu, tindakan saya hanya satu, tenangkan fikiran. Saya cuba melakukan apa saja yang boleh mengawal kapal dan akhirnya saya terselamat."

Jelas pengalaman berharga Azhar itu tidak boleh dijual beli. Aspek ketahanan diri dan semangat untuk berjaya perlu ada dalam sanubari supaya mereka berupaya menghadapi pelbagai cabaran yang mendatang.

Meminjam semangat dan kecekapan yang ditunjukkan Azhar, seorang lagi anak muda tempatan dilaporkan memasang impian untuk mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa dengan berenang merentasi Selat Inggeris.

Abdul Malik Mydin, 25, sanggup mengorbankan pekerjaan dan masa depan demi mengharumkan nama negara tanpa mengharap balasan sekadar untuk membuktikan dia mencintai Malaysia. Apa yang diharapkan ialah sokongan penuh rakyat Malaysia yang bakal melonjakkan semangatnya untuk menjulang nama negara.

Azhar dilahirkan di Padang Katong, Kangar pada 11 Februari 1958. Mendapat pendidikan awal di Kangar English School (kini Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Indera) dan meneruskan pengajian ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star sebelum melanjutkan pelajaran di Politeknik Singapura pada peringkat ijazah dalam bidang pengajian laut.

Beliau pernah bekerja dengan Malaysian International Shipping Corporation (MISC) dan mempunyai pengalaman luas sebagai pegawai pengurusan beberapa

marina di Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Langkawi.

Hasil perkahwinannya dengan Datin Sara Maria Abdullah, pasangan itu dikurniakan tiga cahaya mata iaitu Eizaz, 14; Ellis, 12 dan Eizan, 8.

Azhar, rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia, mencatatkan masa 190 hari enam jam 57 minit dan dua saat. Beliau memulakan pelayaran solo itu dari Awana Porto Malai, Langkawi tepat jam 4:44:55 petang, 2 Februari 1999. Beliau melepasi garisan penamat di antara Jeti Star Cruise dan Pulau Intan Besar, Langkawi tepat jam 11:40:17 malam, 11 Ogos tahun lalu.

Kagum dengan ketabahan Azhar, Dr Mahathir pernah berkata, orang Melayu perlu memiliki nilai hidup dan budaya luar biasa yang dimiliki Azhar kerana sanggup belayar seorang diri mengelilingi dunia.

Jika ramai orang Melayu memiliki sifat itu, katanya, bangsa Melayu tentu dapat menghadapi cabaran dengan hati tabah dan tidak mudah kecewa.

Memang benar, budaya Melayu perlu melalui proses perubahan bagi membentuk budaya baru yang dapat memastikan keupayaan bangsa Melayu berdepan suasana dunia yang berubah.

Bercakap mengenainya, Azhar berkata, budaya perlu dibawa dengan penuh penghayatan supaya unsur negatif dapat dikikis dan diganti dengan unsur lebih positif.

"Budaya Melayu bukan bertujuan melupakan tradisi lama tetapi memperbaiki budaya negatif yang ada dan meningkatkan budaya yang diamalkan selama ini.

"Dalam kehidupan kita, ada budaya negatif yang boleh menggugat kemajuan bangsa dan jika kita terus ditakutkan dengan budaya negatif itu, kita tidak akan maju," katanya.

Dalam apa juga tindakan, katanya, keikhlasan dan kejujuran unsur paling penting yang perlu diserap dalam pembentukan budaya baru itu.

Beliau berpendapat, jati diri Melayu abad ke-21 ialah ikhlas kepada diri sendiri seperti yang ditekankan oleh pemimpin dan ahli agama kerana dengan keikhlasan, secara automatik, segala kebaikan akan lahir dalam diri.

Walaupun sibuk dengan tugas sebagai 'duta' Kementerian Belia dan Sukan untuk menemui anak muda di seluruh negara, Azhar sempat menyiapkan dokumentari khas mengenai pelayaran bersejarahnya mengelilingi dunia menerusi satu portal online Internet, khusus untuk generasi muda di Malaysia.

Menurutnya, alamat laman web itu akan diumumkan pada majlis yang akan disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen NTV7 esok. Ia dijadual dilancarkan oleh Dr Mahathir.

Generasi muda sekarang, katanya, tidak memiliki laman web khusus dan sebagai susulan kepada semangat serta program yang dijalankan, portal khas itu difikirkan amat perlu.

Keghairahan menyiapkan projek itu, katanya, bukan bertujuan mengaut keuntungan, sebaliknya untuk membolehkan rakyat Malaysia, terutama anak muda, menilai kejayaannya, sekali gus bersemangat untuk menaikkan nama negara dan bangsa.

Sebagai rakyat Malaysia, beliau berasa bertanggungjawab menyediakan contoh kepada anak muda mengenai kepentingan berfikir dan berusaha mengecapi kejayaan seperti yang pernah dialaminya, 11 Ogos tahun lalu.

Mengimbas detik kejayaan itu, Azhar berkata, esok adalah tarikh untuk rakyat negara ini memperingati semangat patriotik yang dikongsi bersama ketika Jalur Gemilang selamat kembali di Awana Porto Malai, Langkawi.

"Semua orang menonton televisyen ketika beribu-ribu orang tanpa mengira bangsa dan agama menunggu kepulangan Jalur Gemilang di Awana Porto Malai. Kita tidak mahu semangat itu hilang, bukan tidak mahu orang lupa Azhar. Kita boleh nampak semangat patriotik begitu ketara.

"Kalau boleh kita mahu kekal dan terus memperingati semangat itu. Kita akan cuba buat program yang boleh menyuntik semangat itu di kalangan orang

ramai," katanya sambil menambah semangat itu perlu ada pada generasi kedua atau diberi nama Versi II mengikut istilah teknologi maklumat bersamaan Malaysia baru yang sentiasa ditekankan Perdana Menteri.

Bukan meminta jejaknya diikuti, Azhar berkata, resipi penting untuk mencapai kecemerlangan ialah semangat perjuangan yang kental dan kenegaraan yang menebal bersulam jati diri.

Menurutnya, beliau terhutang budi kepada orang ramai kerana ketika pelayarannya, mereka mengikuti perkembangan pelayaran dengan menghantar emel serta mendoakan kejayaannya di samping memberi kata perangsang.

"Kerana itulah, saya berpendapat tibalah giliran saya berkongsi pengalaman dengan orang ramai. Tetapi, saya tidak boleh melakukannya berterusan kerana profesion saya bukan penceramah atau pakar motivasi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau sedia untuk terus membina semangat dan membuka minda generasi muda supaya memberi perhatian kepada wawasan dan matlamat kerana dengan hanya ada matlamat, sesuatu perjuangan itu dapat dicapai.

Menurutnya, kelemahan ketara generasi sekarang ialah tidak mempunyai matlamat hidup yang menyebabkan mereka sering `membrek di tengah jalan'.

Ibarat perjuangan ketika berperang, kita mesti perang dengan cara betul kerana kalau tidak, kita akan tewas.

"Jadi, kita perlu ada perjuangan sendiri, bukan ikutan," kata Azhar mengakhiri perbualan.

(END)